

**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK**

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk menerima Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan

**Bank Islam Malaysia Berhad****Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan****2 Mei 2019****1. Apakah maklumat berkaitan perkhidmatan ini?**

Perkhidmatan pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah inisiatif Bank Islam Malaysia Berhad untuk membantu para pelanggan mengira dan membayar zakat atas Simpanan dan Pelaburan mereka (yang terdapat di Bank Islam sahaja) kepada Agensi Mengurus Zakat ("AMZ"). Manakala, bagi Simpanan atau Pelaburan para pelanggan yang terdapat di institusi kewangan lain adalah menjadi tanggungjawab para pelanggan sendiri untuk melunaskan kewajipan Zakat Simpanan ke atas harta tersebut.

**2. Apakah konsep Shariah yang diaplikasikan di dalam perkhidmatan ini?**

"*Wakalah*" bermaksud suatu kontrak yang menyatakan pihak (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran tertentu.

Di bawah perkhidmatan ini, Pelanggan sebagai *muwakkil* atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank sebagai *wakil* atau ejen untuk mengira dan membayar zakat simpanan kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ) bagi jumlah simpanan keseluruhan yang terdapat di dalam akaun deposit dan / atau pelaburan Pelanggan di Bank Islam.

**3. Apakah yang akan pelanggan nikmati jika mendaftar/melanggan perkhidmatan pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ini?**

Jika pelanggan mendaftar/melanggan perkhidmatan Zakat Simpanan dan Pelaburan ini:

- i. Pelanggan boleh menyalurkan pembayaran zakat kepada AMZ yang menyertai perkhidmatan ini berdasarkan kepada penyertaan AMZ negeri dari semasa ke semasa (senarai penuh AMZ yang menyertai perkhidmatan ini boleh didapati di laman web Bank Islam [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)).
- ii. Tertakluk kepada penyertaan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) negeri dari semasa ke semasa (senarai penuh AMZ yang menyertai perkhidmatan ini boleh didapati di laman web Bank Islam [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)). Pelanggan boleh memilih untuk menyalurkan pembayaran zakat kepada AMZ berdasarkan kepada pilihan berikut:
  - Pelanggan yang bekerja: Kepada AMZ di negeri pelanggan bekerja; atau
  - Pelanggan yang tidak bekerja: Kepada AMZ di negeri akaun dibuka atau negeri tempat tinggal.
- iii. Akaun yang diambil kira bagi pembayaran Zakat Simpanan di bawah perkhidmatan ini adalah akaun individu seperti berikut:

<ul style="list-style-type: none"><li>• Akaun Simpanan Qard</li><li>• Akaun Semasa Qard</li><li>• Akaun Pelaburan Al Awfar</li><li>• Akaun Pelaburan Wafiyah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Akaun Simpanan Asas Qard</li><li>• Akaun Semasa Asas Qard</li><li>• Akaun Bertempoh Tawarruq</li><li>• iGain</li></ul>
--	--

Sekiranya pelanggan memiliki lebih daripada satu akaun daripada mana-mana akaun di atas, kesemua jumlah wang simpanan di dalam akaun tersebut akan diambil kira dan digabungkan untuk pengiraan Zakat Simpanan bagi tahun taksiran semasa. Akaun amanah akan digabungkan mengikut nama pemegang utama akaun.

Akaun bersama tidak akan diambil kira dalam pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan. Pelanggan bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap harta tersebut sendiri.

Pembayaran zakat akan di buat melalui akaun semasa/simpanan/transaksi pelaburan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pelanggan di dalam borang permohonan perkhidmatan.

- iv. Bagi tujuan taksiran Zakat Simpanan, akaun simpanan, semasa, pelaburan dan/atau deposit bertempoh Tawarruq pelanggan yang dibuka sebelum Tahun Taksiran akan diambil kira. Manakala, akaun Pelanggan yang dibuka pada Tahun Taksiran semasa hanya akan diambil kira untuk taksiran sekiranya pelanggan mempunyai akaun yang telah dibuka sebelum Tahun Taksiran seperti di dalam jadual di bawah:

Senario	Akaun dibuka sebelum tahun taksiran	Akaun dibuka semasa tahun taksiran	Kelayakan untuk ditaksir
1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir
2	Ya	Ya	Semua akaun perlu ditaksir
3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir

Ilustrasi: Ali membuka akaun simpanan Qard serta akaun pelaburan Al-Awfar sebelum tahun taksiran dan membuka akaun deposit bertempoh Tawarruq pada tahun taksiran 2019. Maka, semua akaun Ali akan diambil kira untuk taksiran Zakat Simpanan seperti di bawah:

Jenis akaun	Tarikh serta tahun akaun dibuka	Baki semasa pada 31 Oktober 2019 (RM)
Akaun Simpanan Qard	1 Februari 2014	10,000
Akaun Pelaburan Al-Awfar	15 Mei 2016	50,000
Akaun Bertempoh Tawarruq	30 September 2019	5,000
Jumlah keseluruhan akaun Ali	-	65,000
Pengiraan Zakat Simpanan	-	$65,000 \times 2.5\% = 1,625$
Potongan daripada akaun simpanan		1,625

#### 4. Apakah tanggungjawab pelanggan setelah melanggan Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ini?

Adalah menjadi tanggungjawab pelanggan untuk mempunyai akaun semasa atau akaun simpanan atau akaun transaksi pelaburan bagi tujuan pembayaran zakat simpanan. Pelanggan juga perlu memastikan baki di dalam akaun adalah mencukupi bagi tujuan pembayaran zakat simpanan ini.

**5. Apakah yang akan dilakukan oleh pihak Bank sekiranya baki akaun semasa atau akaun simpanan atau akaun transaksi pelaburan para pelanggan tidak mencukupi untuk membuat pembayaran zakat?**

Sekiranya baki akaun semasa atau akaun simpanan atau akaun transaksi pelaburan para pelanggan tidak mencukupi untuk membuat pembayaran zakat atau akaun dibekukan, pihak Bank tidak akan membuat pembayaran zakat untuk tahun taksiran semasa bagi pihak para pelanggan dan akan memaklumkan kepada mereka. Kewajipan untuk melunaskan zakat ke atas simpanan tersebut menjadi tanggungjawab para pelanggan sendiri.

**6. Adakah para pelanggan akan dikenakan sebarang caj untuk menikmati Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ini?**

Tiada sebarang caj dikenakan kepada para pelanggan yang bersetuju untuk mendaftar/melanggan Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan dengan Bank Islam Malaysia Berhad.

**7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat peribadi anda untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**8. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?**

- Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan, anda boleh menghubungi pihak Bank di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan  
Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2690 0900

Faks: 03-2782 1337

E-mel: [contactcentre@bankislam.com.my](mailto:contactcentre@bankislam.com.my) atau [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my); atau

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui TELELINK:

(a) Telefon: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

(b) Faks : +603-2174 1515

(c) E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

(d) Surat menyurat: **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)**

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

**Nota:** Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan-peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

*Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 2 Mei 2019.*